



06 JAN, 2026

Hakim tegur peniaga curi elektrik lombong bitcoin

Sinar Harian, Malaysia



Hakim tegur peniaga curi elektrik lombong bitcoin

KOTA BHARU – Seorang peniaga didenda RM80,000 selepas didapati melakukan penyambungan elektrik secara haram untuk kegiatan perlombongan bitcoin.

Hakim Nik Habri Mohamad menjatuhkan hukuman denda terhadap orang kena saman (OKS), Loo Siong Hong, 43, selepas mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin.

"Kes sebegini tidak banyak di Kota Bharu. Saya harap ini yang pertama dan terakhir.

"Saya mahu hukuman ini menjadi pengajaran kepada kamu dan orang lain," katanya.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Bhd (TNB) daripada merekodkan penggunaan elektrik secara sempurna dengan membuat sambungan haram di panel meter dan dialirkan ke premis melalui kabel logam serta sambungan ke sistem komputer.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di Kampung Lundang pada jam 3 petang, 15

Oktober tahun lalu.

OKS didakwa mengikut Perenggan 37(3) (e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan boleh dihukum di bawah subperenggan 37(3) (A)(ii) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Jabatan Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga, Khairul Nizam Mohd Kamal, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, OKS merayu hukuman diringankan dengan alasan menyesal dengan perbuatan dilakukannya dan memohon tidak dikenakan hukuman penjara.

"Saya beri kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Tenaga.

"Sebagai peniaga kecil, pendapatan saya tidak menentu dan menanggung kos rumah serta ibu," katanya.

Bagaimanapun, pihak pendakwaan memohon hukuman setimpal sambil menegaskan sambungan haram bagi tujuan perlombongan mata wang kripto adalah berisiko dan membahayakan keselamatan pengguna lain, selain kes bersiri melibatkan kepentingan awam.

"Kes kecurian elektrik bagi tujuan bitcoin bukan bersifat tipikal, sebaliknya jenayah terancang dan memberi kesan besar kepada pengguna awam.

"Kecurian menyebabkan TNB kerugian RM1.33 juta akibat kehilangan sistem, sekali gus menjejaskan kos operasi dan bekalan elektrik," katanya.

Beliau memaklumkan, pengguna yang tidak bersalah terpaksa menanggung implikasi kenaikan tarif elektrik akibat perbuatan sedemikian.

Mahkamah kemudiannya mengenakan denda RM80,000 atau penjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.